

KENYATAAN MEDIA**SEDANIA catat keuntungan 5 suku tahunan berturut-turut****Sorotan Utama:**

- Merekodkan untung bersih RM510,000 dan pendapatan RM9.04 juta
- Sumbangan yang lebih kukuh daripada segmen ‘Sustainable Healthcare’ dan ‘FinTech’ mengimbangi perolehan yang lebih rendah daripada segmen lain

Kuala Lumpur, May 30, 2022 - Sedania Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) terus mencatatkan keuntungan untuk lima suku tahunan berturut-turut apabila merekodkan untung bersih RM510,000 pada suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2022 (1Q22), dengan pendapatan sebanyak RM9.04 juta.

Berbanding tempoh sama sebelum ini, Kumpulan merekodkan keuntungan bersih RM4.89 juta dengan pendapatan sebanyak RM17.07 juta. Segmen ‘Sustainable Energy’ mencatatkan sumbangan yang lebih rendah, namun perolehan kukuh daripada segmen ‘Sustainable Healthcare’ dan ‘Fintech’ berjaya melonjakkan keuntungan bersih kumpulan.

Mengulas mengenai prestasi kewangan SEDANIA, Pengasas dan Pengarah Urusan Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Pada 1Q22, kami berjaya mengekalkan momentum positif daripada prestasi kewangan kami yang membanggakan dalam tahun kewangan penuh berakhir 31 Disember 2021 (FY21). Ini membuktikan daya tahan model perniagaan kami yang terpelbagai dan mampan.”

Bahagian ‘Sustainable Energy’ merekodkan pendapatan yang lebih rendah iaitu RM56,000 pada 1Q22 berbanding RM10.16 juta setahun lalu kerana tiada pemasangan yang disiapkan untuk bangunan di tapak projek di bawah kontrak prestasi tenaganya bagi suku ini. Ini menyebabkan segmen itu merekodkan kerugian sebelum cukai RM50,000 berbanding untung bersih RM3.67 sebelumnya.

Segmen teras Kumpulan yang lain, ‘Sustainable Healthcare’, mencatatkan peningkatan 37% sumbangan pendapatan kepada RM7.32 juta pada 1Q22 daripada RM5.34 juta setahun lalu, didorong oleh jualan keseluruhan yang lebih tinggi daripada majoriti pasarannya. Keuntungan sebelum cukai menyusut 43% kepada RM883,000 berbanding RM1.54 juta pada tempoh sama sebelumnya berikutan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi ekoran penyertaan Offspring dalam TCE Baby Expo yang diadakan pada Mac 2022, serta bayaran yang lebih tinggi kepada kakitangan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan.

Pendapatan segmen ‘FinTech’ meningkat 19% kepada RM1.15 juta dengan trafik yang lebih tinggi daripada platform Tawarruqnya berbanding setahun lalu. Hasilnya, untung sebelum cukai daripada segmen ini meningkat hampir tiga kali ganda kepada RM413,000 pada 1Q22 berbanding RM142,000 setahun lalu.

Melangkah ke hadapan, SEDANIA optimistik bahawa ia mampu merekodkan prestasi yang lebih kukuh bagi tahun kewangan semasa dirangsang oleh pertumbuhan yang lebih besar daripada kedua-dua perniagaan terasnya, ‘Sustainable Healthcare’ dan ‘Sustainable Energy’.

Berhubung keuntungan yang lebih rendah daripada segmen ‘Sustainable Energy’, Ketua Pegawai Eksekutif Daniel Ruppert berkata: “Memandangkan perniagaan ‘Sustainable Energy’ kami berasaskan projek, pengiktirafan hasil boleh berubah merentasi tempoh berbeza dalam setahun bergantung kepada penyiapan pemasangan bagi setiap bangunan di bawah projek-projek kami. Contohnya, kami mungkin akan aktif dengan kerja-kerja projek ini dalam beberapa bulan tetapi mungkin kerja pemasangan masih tidak siap, dan ini akan mengakibatkan pengiktirafan keuntungan yang lebih rendah bagi suku tersebut. Dengan pelbagai projek kini dalam perancangan untuk tahun ini dan seterusnya, kami yakin akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh berbanding tahun lepas.”

Sementara itu, segmen ‘Sustainable Healthcare’ dan ‘FinTech’ terus mencatatkan kemajuan.

“Anak syarikat “Sustainable Healthcare” kami, Offspring Inc Sdn Bhd baru-baru ini menembusi pasaran Togo dan Nigeria dan terus agresif meneroka pasaran baharu untuk berkembang lebih besar daripada 23 negara yang kami sudah hadir. Di bahagian FinTech, kepakaran kami dalam menyediakan penyelesaian bagi kewangan Islamik meletakkan kami di kedudukan strategik untuk menyokong peningkatan infrastruktur digital pada masa hadapan yang diperlukan oleh pemegang lesen perbankan digital yang diumumkan baru-baru ini,” kata Datuk Azrin.

- Tamat -

Mengenai Sedania Innovator Berhad

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyenaraian pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: doreenn.leong@sedaniainnovator.com